

Mahathir mulakan majlis khas dgn pemodal Amerika

NEW YORK, Isnin — Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad akan memulakan 'Sessi pertemuan' secara bertemu muka dengan usahawan dan pemodal ulung Amerika di sini hari ini.

Mereka termasuk Encik Louis Reynolds, Pengerusi Bahagian Antarabangsa Perbadanan Reynolds, yang merancang menubuhkan kilang melebur aluminium berharga AS\$1,000 juta (kira-kira M\$2,280 juta) di Sarawak.

Perbincangan itu akan diikuti dengan jamuan makan tengahari oleh Uniroyal Rubber. Dalam majlis ini Dato Seri Dr. Mahathir akan bertemu dengan pemimpin rombongan pelaburan swasta seberang laut ke negara-negara Asean, Encik Charles Robinson.

Pada sebelah petang, Timbalan Perdana Menteri akan menemui 16 orang pengarang penerbitan McGraw Hill dan kemudiannya makan angin sekitar Manhattan dengan kapal layar kepunyaan penerbit majalah Encik James Dunn.

Sementara itu, pengarah Pejabat Fida New York, Encik Low Eng Chye memberitahu satu taklimat akhbar di sini bahawa sambutan menggalakkan telah diterima dari perbadanan-perbadanan Amerika terhadap rombongan perdagangan Malaysia yang diketuai oleh Dato Seri Dr. Mahathir, yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Syarikat General Telephone and Electronics, General Electric, Continental Corporation dan Walter Kidde Engineering adalah antara syarikat-syarikat yang telah menunjuk minat.

Encik Low berkata beberapa syarikat pembinaan Korea, termasuk Bongah Construction dan beberapa syarikat Kanada telah juga menyatakan minat untuk membeli barang-barang Malaysia.

Wakil-wakil dari syarikat-syarikat itu telah memberitahu anggota-anggota rombongan perdagangan Malaysia mengenai permintaan kayu keras Malaysia yang bertambah kerana bekalan kayu merah (redwood), berkurangan disebabkan rancangan pengawalan Amerika yang ketat.

Pasaran Amerika juga memerlukan kayu untuk membuat pensil, katanya.

Para pengimport juga meminta butir-butir lanjut mengenai jenis-jenis kayu Malaysia.

Sebelum membuka seminar pelaburan di sini Rabu ini, Dato Seri Dr. Mahathir akan menghadiri satu taklimat khas mengenai suasana ekonomi dunia.